

## MY SAFE DEPOSIT BOX PLUS INSURANCE POLICY

This Policy is issued in consideration of the payment of premium as specified in the Policy Schedule and pursuant to the answers given in the Insured's Proposal Form (or when the Insured applied for this insurance) and any other disclosures made by the Insured between the time of submission of the Insured's Proposal Form (or when the Insured applied for this insurance) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by the Insured shall form part of this contract of insurance between the Insured and the Company. However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to the Insured's answers or in any disclosures given by the Insured, only the remedies in Schedule 9 of the Financial Services Act 2013 will apply.

This Policy reflects the terms and conditions of the contract of insurance as agreed between the Insured and the Company.

The Insured, named in the Policy Schedule, has by a written Proposal and Declaration proposed to RHB Insurance Berhad (herein called "The Company") for the insurance detailed below. The written proposal and declaration shall be the basis of this contract and are deemed to be incorporated herein. The Insured has paid or agreed to pay as consideration the first premium as stated in the Schedule or on subsequent renewals, the renewal premium in accordance with the Law of Malaysia.

The Company, subject to the Terms, Conditions, Exclusions and Provisions of this Policy (now referred as The Terms) will pay and/or indemnify the Insured or his/her legal personal representative in the manner and to the extent provided herein.

- A. **THE COMPANY** hereby agrees to pay to the Insured, up to the sum stated in the Schedule, for loss or damage to the content of the safe deposit box as a result of BURGLARY AND/OR ROBBERY, EXPLOSION, FLOOD, RIOT STRIKE AND MALICIOUS DAMAGE which occurs during the Period of Insurance and from the premises as stated in the Schedule, provided that such property is contained in safe deposit boxes leased to the Insured and lodged in the safe deposit vaults of the premises (referred to as 'the Bank').
- B. The term **BURGLARY** shall apply if a person:-
- Gains entry to the Bank by breaking in;
  - Breaks open a receptacle within the Bank ;
  - Gains entry to the Bank by means of an original key which he has obtained by burglary or robbery;
  - Sneaks onto the Bank, i.e. secretly enter the Bank and attempts to keep his presence undetected by third parties. However, insurance protection shall be provided only in the event of the person leaving traces when exiting from the Bank which can be used as evidence.
- C. The term **ROBBERY** shall apply if:-
- Violence is used against the employees of the Bank to eliminate any resistance to surrendering the Insured property;
  - The employees of the Bank surrender the Insured property or allow it to be taken from him due to the threat of bodily injury or death to be committed on the premises of the Bank.
- D. **THE COMPANY** shall, at their own expense, investigate all claims which may be brought by the Insured.
- E. **THE COMPANY'S** Limit of Liability for losses and damages is up to a maximum of RM200,000 per Insured per Branch of the Bank arising out of claims sustained during the Period of Insurance stated in the Schedule. For the avoidance of doubt, the Insured shall mean the 1st person named in the policy schedule and the Company's limit of liability for losses and damages arising out of claims sustained during the period of insurance shall be limited to be payable to that named person only.

**IT IS FURTHER AGREED** that the insurance cover on any ONE unit safe deposit box under this Policy shall cease upon the payment of any claim for losses and damages thereon. However, cover may be reinstated by the payment of pro rata premium for the unexpired period of this Policy.

### WARRANTIES

- IT IS WARRANTED** that Dual Control shall be maintained on all safe deposit boxes. Dual Control means access to and from all safe deposit

boxes being under the control of more than one person all of whom share responsibility.

- IT IS WARRANTED** that the Bank is protected by a vault alarm which shall be properly maintained in accordance with the manufacturer's specifications.
- IT IS WARRANTED** that the construction and security of the Bank's vaults must be in compliance with the Association of Banks in Malaysia/ Association of Finance Companies of Malaysia (ABM/ AFCM) guidelines.
- IT IS WARRANTED** that this Policy is free of all claims in respect of losses not discovered within the Period of Insurance stated in the Schedule; but with the understanding that the Insured shall have fifteen (15) calendar days following the date of termination or expiration of this Policy in which to discover losses sustained during the Period of Insurance stated in the Schedule.  
**IT IS FURTHER WARRANTED** that notwithstanding anything contained herein to the contrary, it is understood and agreed that in the event of this Policy being immediately succeeded by a similar insurance (with any other insurance company or companies) on which the retroactive date is inception, the said succeeding insurance shall be deemed to be the renewal hereof and in consequence the fifteen (15) calendar days period provided herein shall not be operative.

### EXCLUSIONS

- This Policy does not cover loss by reason of any dishonest or fraudulent act of any of the Bank's officers, clerks, servants, students on attachment or internship or other employees while employed by the Bank wherever committed and whether committed directly or in collusion with others including loss of property through any such act of any of the Bank's officers, clerks, servants, students on attachment or internship or other employees.
- This Policy does not cover loss or damage or liability occasioned by war, invasion, hostilities, acts of foreign enemies, civil war, rebellion, insurrection, military or usurped power or martial law or confiscation by order of any Government or public authority.
- This Policy does not cover:
  - Loss or destruction of or damage to any property whatsoever or any loss or expense whatsoever resulting or arising therefrom or any consequential loss.
  - Any legal liability of whatsoever nature directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from:
    - Ionising radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion or nuclear fuel.
    - The radioactive, toxic, explosive or other hazardous properties of any explosive nuclear assembly or nuclear component thereof.

### CONDITIONS

- Statement pursuant to Schedule 9 of the Financial Service Act 2013**  
Where the Insured has applied for this Insurance wholly for purposes unrelated to the Insured's trade, business or profession, the Insured had a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when the Insured applied for this insurance) i.e. the Insured should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of the Insured's contract of insurance, refusal or reduction of the Insured's claim(s), change of terms or termination of the Insured's contract of insurance in accordance with the remedies in Schedule 9 of the Financial Services Act 2013. The Insured was also required to disclose any other matter that the Insured knew to be relevant to the Company's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

The Insured also has a duty to tell the Company immediately if at any time after the Insured's contract of insurance has been entered into, varied or renewed with the Company any of the information given in the Proposal Form (or when the Insured applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

2. In case of claim arising hereunder the Insured/Bank shall give notice thereof to the Police Authorities. Written notice with all the available information must be given to the Company within thirty (30) days of any occurrence give rise to a claim in this Policy. Failure to give notice within the time provided will not invalidate any claim if it can be shown not to have been reasonably possible to give such notice and that notice was given as soon as was reasonably possible.
3. In case of any claim arising hereunder, the Insured/Bank shall promptly implement the Claims Handling Procedures issued by the Company and shall thereafter co-operate with the Company's representatives in all matters pertaining to the claim. In no event shall the Bank settle or compromise any claim made by any of the Insureds without the prior approval of the Company or the Company's representatives.
4. The Company shall, for so long as they desire, conduct and control all proceedings in respect of any claim for loss which the Company has paid or made good under this Policy and may use the name of the Insured to enforce for the benefit of the Company any order made for costs or otherwise, or to make or defend any claim for indemnity for damages against any third party or for any other purpose connected with this Policy.
5. This Policy shall be terminated upon the occurrence of any of the following:
  - a) Thirty (30) calendar days after the receipt by the Insured of the written notice from the Company of their desire to cancel this Policy, or
  - b) Immediately upon the receipt by the Company of a written notice from the Insured of its desire to cancel this Policy. No refund shall be granted, or
  - c) Immediately upon expiration of the Period of Insurance as stated in the Schedule.
  - d) The Company shall refund the unearned premium computed at pro-rata basis if the Policy is terminated by the Company.

**6. Cash Before Cover**

It is hereby declared and agreed that it is fundamental and absolute special condition of this contract of insurance the premium must be paid and received by us before cover commences.

**7. Policy Shall Be Void**

- 7.1 if the Proposals/Enrolment and Declarations made by the Insured or any written statement given by Insured is untrue in any respect or if any material fact affecting the risk is incorrectly stated or represented in or is omitted from these documents stated herein above and/or;
- 7.2 if the Insured makes any claim, which is fraudulent or exaggerated or if the Insured makes any false declaration or statements in support of any claim.

**8. Change of Insurance Plan**

Application for change of benefits to a higher or lower plan can only be made on renewal and is subject to acceptance by the Company upon renewal.

**9. Entire Contract: Changes**

This Policy, including the Policy Schedule, endorsements, and amendments, if any, will constitute the entire contract between the parties. No change in this Policy shall be valid unless approved by the Company and evidenced by endorsement or amendment.

**10. Legal Proceeding**

No action at law or in equity shall be brought to recover on the Policy prior to the expiration or Ninety (90) days after proof of claim has been filed in accordance with the requirements of this Policy.

**11. Period of Cover and Renewal**

This policy shall become effective as of the date stated in the policy schedule. The policy anniversary shall be one year after the effective date of insurance and annually thereafter. On each such anniversary, this policy is renewable at the premium rates in effect at that time as notified by the Company. This policy is renewable at the option of the Company.

**12. Renewal**

It shall not be incumbent of the Company to give notice that any premium for renewal is due and such premium shall be deemed to be due on the date on which the policy expires and must be paid within fourteen (14) days thereafter. However, during such fourteen (14) days the Company shall remain liable thereunder if by the last of such days premium is actually paid unless the Company or the Insured shall have given notice that the insurance would not be renewed.

**13. Cooling off Period**

If this Policy shall have been issued and for any reason whatsoever the Insured shall decide not to take up the Policy, the Insured may return the Policy to the Company for cancellation provided such request for cancellation is delivered by the Insured to the Company within fifteen (15) days from the date of delivery of the Policy. The Insured is entitled to the return of the full premium paid less stamp duty. This shall only be applicable to policy issued under Direct marketing / Telemarketing Distribution Channel.

**EXTENSIONS**

**1. EXPLOSION**

The Company hereby agree and declare that the insurance under this policy shall, subject to the Special Conditions hereinafter contained, extend to include:-  
Loss or damage to the property insured directly caused by explosion.

**Special Conditions**

1. The Company shall not be liable, under this extension, for loss or damage occasioned by or through or in consequence, directly or indirectly, of any acts of terrorism committed by a person or persons acting on behalf of or in connection with any organization.

For the purpose of this Condition, an act of terrorism means an act, including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof, of any person or groups(s) of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with organization(s) or government(s), committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public, or any section of the public in fear.

In any action, suit or other proceeding, where the Company alleges that by reason of this Condition any loss or damage is not covered by this insurance, the burden of proving that such a loss or damage is covered shall be upon the Insured.

2. The Company shall not be liable under this extension for loss or damage which at the time of happening of such loss or damage is insured by or would, but for the existence of this extension, be insured by any other existing Policy or Policies except in respect of any excess beyond the amount which would have been payable under such Policy or Policies had this insurance not been effected.

Subject otherwise to the terms and conditions of the policy.

**2. FLOOD**

The Company agrees that notwithstanding anything stated to the contrary in the Policy, this insurance extends to cover loss or damage directly caused or otherwise occasioned by or through or in consequence of Flood (including overflow of the sea) subject to the Special Conditions attached hereto.

Note: Flood, for the purpose of this extension, shall mean the overflowing or deviation from the normal channels of either natural or artificial water courses, bursting or overflowing of public water mains and any other flow or accumulation of water originating from outside the building insured or containing the property insured, but excluding loss or damage caused by subsidence or landslip.

It is further agreed that each incident giving rises to such loss or damage and that for the purposes hereof an incident shall not be considered to have terminated until there have been seven (7) consecutive days freedom from the peril concerned and that only thereafter shall this extension apply afresh.

### **Special Conditions**

1. This extension does not extend the insurance under this Policy to cover:-
  - a) Consequential loss of any kind.
  - b) Loss or damage caused by hail whether driven by wind or not.
  - c) Loss or damage caused by subsidence or landslip.
  - d) Loss or damage caused by explosion.
  - e) Loss by reason of any ordinance or law regulating the construction or repair of buildings.
2. The company shall not be liable under this extension for loss or damage which at the time of happening of such loss or damage is insured by or would, but for the existence of this extension, be insured by any other existing Policy or Policies except in respect of any excess beyond the amount which would have been payable under such policy or Policies had this Insurance not been affected.

Subject otherwise to the terms and conditions of this Policy.

### **3. RIOT STRIKE AND MALICIOUS DAMAGE**

The Company hereby agree and declare that the insurance under this Policy shall extend to cover Riot and Strike Damage which for the purpose of this Extension shall mean (subject to the Special Conditions hereinafter contained):-

Loss or damage to property insured directly caused by:-

1. The act of any person taking part together with others in any disturbance of the public peace (whether in connection with a strike or lock-out or not) not being an occurrence mentioned in War and Terrorism Exclusion as stated in the policy schedule.
2. The action of any lawfully constituted authority in suppressing or attempting to suppress any such disturbance or in minimizing the consequences of any such disturbance.
3. The willful act of any striker or locked-out worker done in furtherance of a strike or in resistance to a lock-out.
4. The action of any lawfully constituted authority in preventing or attempting to prevent any such act or in minimizing the consequences of any such act.

It is declared further that notwithstanding anything in the within written Policy contained to the contrary, the insurance under this Policy shall extend to cover Malicious Damage which for the purpose of this extension shall mean:-

Loss or damage to the property insured directly caused by the malicious act of any person (whether such act is committed in the course of a disturbance of the public peace) not being an act amounting to or committed in connection with an occurrence mentioned in War and Terrorism Exclusion as stated in the policy schedule.

### **Special Conditions**

This insurance does not cover:-

- a) Loss of earnings, loss by delay, loss of market or other consequential or indirect loss or damage of any kind or description.
- b) Loss or damage resulting from total or partial cessation of work or the retarding or interruption or cessation of any process or operation.
- c) Loss or damage occasioned by permanent or temporary dispossession resulting from confiscation, commandeering or requisition by any lawfully constituted authority.
- d) Loss or damage occasioned by permanent or temporary dispossession of any building resulting from the unlawful occupation by any person of such building.

Provided nevertheless that the Company is not relieved under (c) or (d) above of any liability to the Insured in respect of physical damage to the property insured occurring before dispossession or during temporary dispossession.

### **NOTICE TO POLICYHOLDER**

Please examine the insurance Policy to ensure that it meets **Your** requirement.

To avoid misunderstanding, it is very important that the Policy, the Schedule and any Endorsements attached therein be read thoroughly.

If **You** have any complaints or grievances pertaining to **Your** policy, please contact **Your** agent, if any or get in touch with **Our** issuing office. **We** assure **You** that **Your** complaints will be attended to promptly.

For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the Bahasa Malaysia provisions of any part of the Contract, it is hereby agreed that the English version of the Contract shall prevail.

As a responsible insurer, **We** wish to bring **Your** attention that **You** could also address **Your** dissatisfaction to Ombudsman for Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

### **HOW TO LODGE A COMPLAINT**

If **You** are unhappy with any aspect of **Our** service, **We** would like to hear from **You**. **You** can make **Your** complaint in whatever form is most convenient to **You** either via a phone call to **Our** receptionist or alternatively, by writing, faxing or e-mailing **Your** complaint to:

#### **Complaints Handling Unit**

RHB Insurance Berhad

Level 12B, West Wing, The Icon

No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,

55000 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-220-007

Fax: 03-2163 7277

E-mail : complaints\_unit@rhbinsurance.com.my

**We** will seek to respond to **Your** complaint within fourteen (14) days. If **We** cannot resolve the matter within the aforesaid time frame when a matter is complex, **You** will be informed of the progress made with **Your** complaint.

It will help **Us** to respond promptly if **You** give the following details:

1. **Your** name, address and contact no.

2. Cover note no. / Policy no. / Claim no. If after taking these steps, **You** are still dissatisfied, **You** may write to:

#### **The Complaints Management Unit**

Ombudsman for Financial Services (OFS)

Level 14, Main Block

Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Tel: 03-2272 2811

Fax: 03-2272 1577

E-mail : enquiry@ofs.org.my

Website : www.ofs.org.my

If the Mediator makes an award against **Us**, **You** are required to inform the Mediator of **Your** decision to accept or deny the award within fourteen (14) days.

If **You** do not accept the award, **You** may reject the decision of the Mediator. **You** are free to institute a court proceeding against **Us** or refer it to Arbitration.

Alternatively **You** may put forward **Your** dissatisfaction over the conduct of **Us** by writing to Bank Negara Malaysia giving details of **Your** complaint and particulars of **Your** policy to:

#### **BNMTELELINK**

Corporate Communications Department

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1300-88-5465 (LINK)

Fax: 03-2174 1515

E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

Website : www.insuranceinfo.com.my

**POLISI INSURANS 'MY SAFE DEPOSIT BOX PLUS'**

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Pihak Diinsuranskan pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Pihak Diinsuranskan berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Pihak Diinsuranskan dan pihak Syarikat. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Pihak Diinsuranskan atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Pihak Diinsuranskan, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Pihak Diinsuranskan dan pihak Syarikat.

Pihak Yang Diinsuranskan, yang dinamakan di dalam Jadual Polisi, telah memohon kepada RHB Insurance Berhad (dari ini dipanggil "Syarikat") cadangan dan deklarasi bertulis untuk insurans yang terkandung di bawah. Cadangan dan deklarasi bertulis tersebut hendaklah menjadi asas kepada kontrak ini dan dianggap termaktub di sini. Pihak Diinsuranskan telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium pertama yang dinyatakan di dalam Jadual atau untuk pembaharuan seterusnya, premium pembaharuan berdasarkan undang-undang Malaysia.

Pihak Syarikat, berdasarkan kepada Terma-terma, Syarat-syarat, Pengecualian-pengecualian dan Peruntukan-peruntukan Polisi ini (dari ini dirujuk sebagai Syarat-Syarat) akan membayar dan/atau menggentirugi Pihak Yang Diinsuranskan atau wakil peribadi yang sah di dalam keadaan-keadaan yang dilanjutkan di sini:

A. **PIHAK SYARIKAT** dengan ini bersetuju membayar Pihak Yang Diinsuranskan, sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual, akibat kehilangan atau kerosakan isi kandungan peti simpanan keselamatan yang disebabkan oleh **KECURIAN DAN/ATAU ROMPAKAN, LETUPAN, BANJIR, RUSUHAN MOGOK DAN KEROSAKAN AKIBAT PERBUATAN JAHAT** di mana berlaku semasa Tempoh Insurans dan di premis seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, dengan syarat harta tersebut disimpan di dalam peti simpanan keselamatan dipajak kepada Pihak Yang Diinsuranskan dan ditempatkan di dalam bilik simpanan keselamatan di premis tersebut (dirujuk sebagai 'Bank').

B. Terma **KECURIAN** akan digunapakai jika seseorang:-

- i) Dapat memasuki Bank dengan memecah masuk;
- ii) Memecah dan membuka peti deposit didalam kawasan Bank;
- iii) Dapat memasuki Bank dengan menggunakan kunci asal yang telah diperolehi dengan mencuri atau merompak;
- iv) Menyelinap masuk Bank, iaitu memasuki premis secara rahsia dan cuba menyembunyikan kehadirannya daripada dikesan oleh pihak ketiga. Walaupun begitu, perlindungan insurans akan diberikan hanya sekiranya terdapat kesan-kesan yang beliau tinggalkan semasa keluar daripada Bank yang mana boleh digunakan sebagai bahan bukti.

C. Terma **ROMPAKAN** akan digunapakai jika:-

- i) Keganasan digunakan terhadap pekerja-pekerja Bank untuk menghapuskan sebarang halangan bagi menyerahkan hartabenda Pihak Diinsuranskan;
- ii) Pihak pekerja-pekerja Bank menyerahkan hartabenda yang diinsuranskan atau membenarkan ia diambil daripadanya akibat ugutan kecederaan tubuh badan atau kematian yang akan dilakukan dalam bangunan Bank.

D. **PIHAK SYARIKAT** akan, dengan perbelanjaan sendiri, menyiasat segala tuntutan yang mungkin diambil keatas Pihak Yang Diinsuranskan.

E. Had Liabiliti **PIHAK SYARIKAT** bagi setiap kehilangan dan kerosakan, adalah sehingga jumlah maksima RM200,000 bagi setiap Pihak Yang Diinsuranskan bagi setiap Cawangan Bank yang timbul akibat tuntutan yang diterima semasa Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual. Untuk mengelak daripada sebarang keraguan, Pihak

Yang Diinsuranskan mestilah bermaksud orang pertama yang dinamakan di dalam jadual polisi dan nama tersebut mestilah sama dengan nama utama yang tertulis di dalam 'Perjanjian Penyewaan Peti Deposit Keselamatan'. Had liabiliti Pihak Syarikat bagi setiap kehilangan dan kerosakan yang timbul akibat tuntutan yang diterima semasa tempoh insurans adalah terhad mesti di bayar kepada orang yang dinamakan sahaja.

**SETERUSNYA JUGA DIPERSETUJUI** bahawa perlindungan insurans untuk setiap SATU unit peti deposit keselamatan dibawah Polisi ini akan termansuh apabila bayaran dibuat untuk mana-mana tuntutan kehilangan dan kerosakan ke atasnya. Walaupun begitu, perlindungan boleh dikembalikan semula dengan membayar premium secara pro-rata bagi tempoh belum tamat Polisi ini.

**WARANTI**

1. **DIWARANTIKAN** bahawa Dwikawalan akan disediakan untuk semua peti deposit keselamatan. Dwikawalan bermaksud hubungan dari dan ke peti deposit keselamatan adalah dibawah kawalan lebih daripada seorang yang mana kesemuanya berkongsi tanggungjawab.
2. **DIWARANTIKAN** bahawa Bangunan Bank dilindungi oleh bilik kebal lengkap dengan penggera yang akan diselenggara dengan betul dan mengikut spesifikasi pengilang.
3. **DIWARANTIKAN** bahawa pembinaan dan keselamatan bilik kebal Bank perlu mematuhi garis panduan Persatuan Bank Malaysia/Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia (ABM/AFCM).
4. **DIWARANTIKAN** bahawa Polisi ini bebas daripada segala tuntutan yang berkaitan dengan kehilangan yang tidak ditemui semula dalam Tempoh Insurans seperti dinyatakan dalam Jadual; tetapi dengan persefahaman bahawa Pihak Yang Diinsuranskan mempunyai lima belas (15) hari kalendar selepas tarikh penamatan atau tarikh luput Polisi ini untuk mendapatkan semula kerugian yang dialami dalam Tempoh Insurans seperti dinyatakan dalam Jadual. **DIWARANTIKAN SETERUSNYA** bahawa disebalik sebarang yang terkandung disini yang bertentangan, adalah difahami dan dipersetujui sekiranya Polisi ini diganti serta merta dengan insurans yang sepertinya (dengan mana-mana syarikat insurans) yang mana diundurkan tarikh ke permulaan, insurans gantian tersebut akan dianggap sebagai pembaharuan dan dengan itu tempoh lima belas (15) hari kalendar yang diberikan disini berkuatkuasa.

**PENGECEUALIAN**

1. Polisi ini tidak melindungi kerugian yang disebabkan oleh sebarang tindakan tidak jujur atau salah laku mana-mana pegawai, kerani, pembantu rumah, pelajar dalam latihan atau dalam internship atau lain-lain pekerja semasa bekerja dengan Bank di mana sahaja dilakukan dan sama ada dilakukan secara langsung atau bersama-sama orang lain termasuk kehilangan hartabenda melalui sebarang tindakan tersebut oleh mana-mana pegawai, kerani, pembantu rumah, pelajar dalam latihan atau internship atau lain-lain pekerja dengan Bank tersebut.
2. Polisi ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan atau liabiliti semasa peperangan, serangan, permusuhan, tindakan musuh asing, perang saudara, pemberontakan, insurreksi, operasi ketenteraan atau rampasan kuasa atau darurat atau rampasan harta atas arahan Kerajaan atau pihak berkuasa awam.
3. Polisi ini tidak melindungi:
  - i) Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan terhadap apa sahaja hartabenda atau sebarang kerugian atau apa sahaja perbelanjaan yang diakibatkan oleh atau timbul daripadanya atau sebarang kerugian akibat daripadanya.
  - ii) Sebarang apa-apa sahaja jenis liabiliti perundangan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau timbul daripada
    - a) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear.
    - b) Radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain bahan yang membahayakan daripada letupan nuklear atau komponen nuklear.

## SYARAT-SYARAT

### 1. **Kenyataan Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013**

Apabila Pihak Diinsuranskan telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan Pihak Diinsuranskan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, Pihak Diinsuranskan perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Pihak Diinsuranskan juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Pihak Diinsuranskan tahu akan mempengaruhi keputusan pihak Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Pihak Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Sekiranya timbul tuntutan di bawah ini, Pihak Yang Diinsuranskan/Bank perlu memberi notis kepada Pihak Berkuasa Polis. Notis bertulis berserta kesemua informasi yang ada mestilah diberi kepada Pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada masa kejadian yang menimbulkan tuntutan didalam Polisi ini. Kegagalan memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan mentaksahkan tuntutan jika boleh dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis bertulis tersebut dan notis itu mestilah diberi secepat dan semunasabah mungkin.
3. Sekiranya timbul tuntutan di bawah ini, Pihak Diinsuranskan/Bank perlu segera melaksanakan Prosedur Mengedalikan Tuntutan yang dikeluarkan oleh Pihak Syarikat dan hendaklah seterusnya bekerjasama dengan wakil Pihak Syarikat dalam segala urusan berkenaan dengan tuntutan tersebut. Bank tidak boleh menyelesaikan atau berkompromi sebarang tuntutan yang dibuat oleh mana-mana Pihak yang Diinsuranskan tanpa mendapat kelulusan Pihak Syarikat atau wakilnya.
4. Pihak Syarikat boleh, selama yang dikehendaki, membuat dan mengawal segala prosiding berkaitan dengan sebarang tuntutan untuk kerugian dimana Pihak Syarikat telah membayar atau membayar kerugian dibawah Polisi ini dan boleh menggunakan nama Pihak Yang Diinsuranskan untuk berkuatkuasa, untuk kebaikan Pihak Syarikat, sebarang arahan yang dibuat samada dengan kos atau sebaliknya, atau untuk membuat atau mempertahankan mana-mana tuntutan dengan indemniti untuk kerosakan terhadap sebarang pihak ketiga atau untuk sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan Polisi ini.
5. Polisi ini akan ditamatkan jika berlakunya mana-mana perkara berikut:
  - a) Tiga puluh (30) hari kalendar daripada tarikh Pihak Yang Diinsuranskan menerima notis bertulis daripada Pihak Syarikat berkenaan hasratnya untuk membatalkan Polisi ini, atau
  - b) Serta merta setelah Pihak Syarikat menerima notis bertulis daripada Pihak Yang Diinsuranskan berkenaan hasratnya untuk membatalkan Polisi ini. Tiada pemulangan akan diberikan, atau
  - c) Serta merta setelah luputnya Tempoh Insurans seperti dinyatakan di dalam Jadual.

Pihak Syarikat perlu mengembalikan semula premium yang belum diperolehi yang dikira pada kadar pro-rata jika Polisi ini ditamatkan oleh Pihak Syarikat.

### 6. **Tunai Sebelum Perlindungan**

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa adalah menjadi asas dan syarat khas mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa bayaran Premium mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat Insurans sebelum perlindungan bermula.

### 7. Polisi akan menjadi tidak sah

7.1 jika Cadangan/Pendaftaran dan Akuan yang dibuat oleh Pihak Yang Diinsuranskan atau apa-apa pernyataan bertulis yang diberi oleh Pihak Yang Diinsuranskan didapati tidak benar dalam semua hal atau apa-apa fakta material yang memberi kesan terhadap risiko telah dinyatakan dengan tidak benar atau tidak jelas atau telah mengabaikannya dari menyatakan dalam dokumen-dokumen yang tersebut diatas dan/atau;

7.2 jika Pihak Yang Diinsuranskan membuat tuntutan, dimana tuntutan tersebut adalah palsu atau melebihi-lebihkan atau jika Pihak Yang Diinsuranskan membuat deklarasi palsu atau pernyataan dalam menyokong mana-mana tuntutan.

### 8. **Pertukaran Pelan Insurans**

Permohonan untuk menukar manfaat-manfaat kepada pelan yang lebih tinggi atau rendah hanya boleh dilakukan ketika pembaharuan dan adalah tertakluk kepada penerimaan Syarikat semasa pembaharuan.

### 9. **Keseluruhan Kontrak: Perubahan**

Polisi ini, termasuk Jadual Polisi, pengesahan dan perubahan-perubahan, sekiranya ada, akan melibatkan keseluruhan kontrak di antara pihak-pihak terlibat. Tiada perubahan dalam Polisi ini dikira sah melainkan setelah diluluskan oleh Syarikat dan dibuktikan oleh pengesahan dan perubahan.

### 10. **Tindakan Undang-undang**

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti, boleh diambil untuk mendapatkan semula Polisi sebelum tamat tempoh atau Sembilan puluh (90) hari setelah bukti tuntutan telah diserahkan mengikut keperluan Polisi ini.

### 11. **Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan**

Polisi ini akan berkuatkuasa bermula dari tarikh yang dinyatakan di dalam jadual polisi. Ulang tahun polisi ini adalah setahun selepas tarikh berkuatkuasanya insurans ini dan setiap tahun selepas itu. Pada setiap ulang tahun tersebut, polisi ini boleh dibaharui pada kadar premium yang digunakan pada masa tersebut seperti yang diberitahu oleh Syarikat. Polisi ini boleh dibaharui atas pilihan Syarikat.

### 12. **Pembaharuan**

Ia bukanlah tanggungjawab Syarikat untuk memberi notis bahawa premium untuk pembaharuan perlu dibayar dan premium tersebut dianggap perlu dibayar pada tarikh polisi tamat dan mesti dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tempoh tamat polisi. Walaubagaimanapun, Pihak Syarikat masih akan bertanggungjawab dalam tempoh empat belas (14) hari jika pada hari terakhir premium tersebut telah dibayar melainkan Pihak Syarikat atau Pihak Yang Diinsuranskan telah memberi notis untuk tidak memperbaharui Insurans tersebut.

### 13. **Tempoh Bertenang**

Sekiranya polisi telah dikeluarkan dan untuk sebarang sebab Pihak Yang Diinsuranskan memutuskan untuk tidak mengambil polisi, Pihak Yang Diinsuranskan boleh memulangkan polisi kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permintaan untuk pembatalan tersebut diserahkan oleh Pihak Yang Diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari daripada tarikh penghantaran Polisi. Pihak Yang Diinsuranskan berhak mendapat kembali semua premium yang telah dibayar ditolak duti setem. Ini hanya boleh digunapakai bagi polisi dibawah "Directmarketing / Telemarketing Distribution Channel".

## PERLUASAN

### 1. **LETUPAN**

Pihak Syarikat dengan ini bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah Polisi ini hendaklah, tertakluk kepada Syarat-Syarat Khas yang terkandung selepas ini, diperluaskan bagi memasukkan:- Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan yang secara langsung disebabkan oleh letupan.

#### Syarat-Syarat Khas

- 1) Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab, di bawah perluasan ini bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau

melalui atau akibat secara langsung atau tidak langsung, apa-apa tindakan keganasan.

Untuk tujuan Syarat ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Pihak Syarikat mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam Syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Pihak Yang Diinsuranskan.

- 2) Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini bagi kerugian atau kerosakan yang pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut diinsuranskan atau akan diinsuranskan, tetapi jika tidak kerana adanya perluasan ini, oleh mana-mana Polisi lain yang wujud kecuali yang berhubung dengan mana-mana lebihan yang melebihi amaun yang mungkin dibayar di bawah Polisi lain jika insurans ini tidak dikuatkuasakan.

Selainnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

## 2. BANJIR

Pihak Syarikat bersetuju bahawa walau apapun yang dinyatakan bertentangan dalam Polisi ini, insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian dan kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh atau sebaliknya disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada banjir (termasuk limpahan air laut) tertakluk kepada Syarat Khas yang dilampirkan bersama ini.

Nota : Bagi tujuan perluasan insurans ini, banjir hendaklah bermaksud limpahan atau lencongan air dari saluran biasanya samada laluan air semulajadi atau buatan, pecahan atau limpahan dari paip air utama awam dan lain-lain atau takungan air yang berasal dari luar bangunan yang diinsuranskan atau yang mengandungi harta yang diinsuranskan tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penurunan atau gelinciran tanah.

Selanjutnya dipersetujui bahawa setiap kejadian yang mengakibatkan kerugian atau kerosakan dan bagi tujuan yang tersebut ini satu-satu kejadian hendaklah tidak dianggap berakhir sehingga berlangsungnya tujuh (7) hari berturut-turut bebas daripada peril tersebut dan hanya selepas itu perluasan ini hendaklah terpakai sekali lagi.

### Syarat Khas

1. Perluasan ini tidak memperluaskan insurans di bawah Polisi ini untuk melindungi:-
  - a) Kerugian turutan dalam apa jua bentuk
  - b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh hujan batu sama ada dibawa oleh angin atau tidak.
  - c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penurunan tanah atau gelinciran tanah.
  - d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh letupan.
  - e) Kerugian yang disebabkan oleh mana-mana ordinar atau undang-undang yang mengawal pembinaan atau pembaikan bangunan.
2. Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini bagi kerugian atau kerosakan yang pada masaberlakunya kerugian atau kerosakan tersebut diinsuranskan atau akan diinsuranskan, tetapi jika tidak kerana adanya perluasan ini, oleh mana-mana Polisi lain yang wujud kecuali yang berhubung dengan mana-mana lebihan yang melebihi amaun yang mungkin dibayar di bawah Polisi jika insurans ini tidak dikuatkuasakan.

Selainnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

## 3. KEROSAKAN RUSUHAN MOGOK DAN NIAT JAHAT

Pihak Syarikat bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah Polisi ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Rusuhan dan Mogok, yang bagi tujuan Perluasan ini, hendaklah bermaksud (tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini):-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh:-

- 1) Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekat-masuk) yang bukan kejadian seperti yang dinyatakan di dalam Pegecualian Peperangan Dan Keganasan seperti dinyatakan di dalam jadual polisi.
- 2) Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cubaan menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.
- 3) Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.
- 4) Perbuatan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cubaan untuk menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Diisytiharkan bahawa walau apapun yang dinyatakan bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di dalam Polisi secara bertulis, insurans di bawah Polisi ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Niat Jahat yang bagi tujuan perluasan insurans ini adalah bermaksud:-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan yang diakibatkan secara langsung oleh perbuatan Niat Jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan terhadap ketenteraman awam) sama ada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan kekacauan yang disebutkan di dalam Pegecualian Peperangan Dan Keganasan seperti dinyatakan di dalam jadual polisi.

### Syarat-Syarat Khas

Insurans ini tidak melindungi:-

- a) Kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian atau kerosakan secara turutan atau dalam apa jua jenis/perihal.
- b) Kerugian atau kerosakan berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambat atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.
- c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
- d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.

**DENGAN SYARAT** walaubagaimanapun, liabiliti Syarikat terhadap Pihak Diinsuranskan tidak dilepaskan di bawah perkara (c) atau (d) di atas terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang diinsuranskan yang berlaku sebelum kehilangan atau semasa kehilangan sementara.

### NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau keaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

#### **BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN**

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

##### **Unit Pengendalian Aduan**

RHB Insurance Berhad  
Aras 12B, West Wing, The Icon  
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,  
55000 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-220-007  
Faks: 03-2163 7277  
E-mel : complaints\_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

**Anda** boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

##### **Unit Pengurusan Aduan**

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2272 2811  
Faks: 03-2272 1577  
E-mel : enquiry@ofs.org.my  
Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

##### **BNMTELELINK**

Jabatan Komunikasi Korporat  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-88-5465 (LINK)  
Faks: 03-2174 1515  
E-mel : bnmteletelink@bnm.gov.my  
Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

#### **HEAD OFFICE / IBU PEJABAT**

Level 12, West Wing, The Icon,  
No.1, Jalan 1/68F,  
Jalan Tun Razak,  
55000 Kuala Lumpur  
Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729  
Website : www.rhbgroup.com/insurance

#### **CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN**

Level 1, Tower Three, RHB Centre,  
Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-220-007 Fax : 03 – 2163 7277  
Email : rhbi.general@rhbgroup.com

#### **CALL CENTRE / PUSAT PANGGILAN**

Claims Inquiries : 03 - 2180 3030